



**Usahawan
& Strategi**

Produk Tiruan atau Produk Asli ?

Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Johor
muharr416@uitm.edu.my

Sumber: <https://www.google.com/tudung ori vs tudung fake-ML Studi-os>

harta intelek dan pengetahuan tentang ilmu kepenggunaan masih cetek di kalangan mereka.

Barangan berjenama seringkali menjadi impian bagi semua orang untuk miliki. Barangan berjenama merangkumi pelbagai jenis barangan terdiri dari barangan keperluan bayi, kelengkapan elektrik, kosmetik, pakaian, bag, tudung, produk makanan tambahan dan juga produk lain. Barangan berjenama dikelaskan sebagai barangan mewah kerana harganya mahal dan ia mempunyai golongan pembeli yang mempunyai cara hidup dan fesyen tersendiri serta eksklusif. Barangan berjenama yang menjadi perhatian masyarakat Malaysia terutamanya dalam jenama antarabangsa adalah seperti Adidas, Nike, Chanel, Louis Vitton dan tidak kurang jenama tempatan yang di kelaskan sebagai produk berjenama dan mempunyai golongan pembeli eksklusif seperti Duck, Ariani dan Siti Khadijah.

Kita semua sedia maklum, golongan pembeli barangan berjenama mempunyai persona pembelian yang mengikut trend dan tidak mungkin mahu ketinggalan dalam pembelian barang berjenama yang terkini. Obsesi terhadap produk berjenama juga berlaku kerana pembeli mempunyai mentaliti menganggunkan barangan berjenama adalah barangan yang berkualiti selain dari mahu untuk dilihat sebagai salah seorang dari golongan elit pada pandangan orang lain.

Namun demikian, dalam keadaan realiti, bukan semua golongan pengguna mampu membeli dan memiliki produk berjenama. Sikap menganggunkan barangan berjenama dan ingin bergaya serta kepercayaan bahawa penggunaan barangan berjenama dapat meningkatkan imej dan status diri mereka menjadikan sesetengah orang untuk terjebak dengan pembelian barangan berjenama tiruan. Tambahan pula, rupa fizikal produk tiruan dengan barangan asli adalah hampir sama, malah ada yang mempunyai kategori A, B, dan C dan harga produk tersebut jauh lebih murah dari barangan asli. Ada juga pembeli membeli produk tiruan bukan kerana jenama tetapi suka akan corak dan rekabentuk produk asli tetapi mereka rasa tidak berbaloi untuk membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi membeli barangan berjenama dan memilih untuk membeli produk tiruan. Sebagai contoh tudung jenama Duck bermula dari harga RM100 tetapi harga tudung tiruan Duck bermula dari harga RM 35. Tidak dapat dinafikan, ada pembeli yang merasakan membeli produk tiruan bukan merupakan satu kesalahan yang besar kerana mereka tetap membayar wang untuk membeli produk tiruan. Ternyata isu

Di pihak penjual produk tiruan, mereka hanya mahu berniaga dan membuat keuntungan. Modus operandi jualan barangan tiruan yang sering digunakan oleh penjual kepada pelanggan bahawa barangan yang dijual adalah asli namun mengalami sedikit kecacatan ketika dihasilkan oleh kilang pengeluar. Pernyataan ini sering diperkatakan mahupun dipaparkan di media sosial penjual produk tiruan.

Berangkali, penjual tidak sedar yang mereka boleh dikenakan hukuman oleh pihak Keementerian Pengguna Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Pada awal tahun ini sahaja KPDNHEP, telah merampas produk tiruan yang berasaskan pakaian berjenama antarabangsa sebanyak RM RM23,680. Peniaga yang bersalah boleh dikenakan tindakan undang – undang mengikut Akta Cap Dagangan 2019 dan syarikat boleh didenda maksimum tidak melebihi RM15,000 bagi setiap satu barangan yang cap dagangannya dipakaikan dengan salah atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Walaupun kos entri pasaran bagi berniaga produk tiruan adalah mudah dan rendah tetapi ianya tidak berbaloi apabila tindakan hukuman dikenakan. Sekiranya penjual ingin berniaga dengan menjual barangan berjenama, mereka boleh memilih mod perniagaan pengedar, francais dan lain-lain. Perniagaan seperti itu, membolehkan mereka berniaga barangan berjenama secara sah dari segi undang-undang. Bagi pembeli, anda mempunyai kuasa untuk membeli. Namun gunakan kuasa pembeli sewajarnya dengan memainkan peranan, untuk melaporkan pada syarikat produk asil ataupun KPDNHEP mengenai penjual barangan tiruan. Jangan pula menjadi sebahagian dari kegiatan ini. Ini kerana ia bukan suatu perkara yang beretika.

Rujukan: <https://www.kpdnhep.gov.my/ms/media-kpdnhep/berita-kpdnhep/keratan-akhbar/2020/julai.html>